

LAMPIRAN PENERANGAN PRODUK (PDS) INSURANS KEMALANGAN PERIBADI BSN CASHBACK

Helaian Pendedahan Produk (PDS) menyediakan beberapa maklumat penting yang perlu anda pertimbangkan sebelum anda membeli polisi insurans kemalangan peribadi yang paling memenuhi keperluan anda. Anda harus membaca kontrak polisi insurans anda dengan teliti untuk mendapatkan butiran penuh tentang perlindungan anda.

1. Apakah produk ini?

Produk ini akan memberi pampasan kepada anda bagi kecederaan badan yang disebabkan oleh kemalangan, yang mana kecederaan tersebut secara tunggal dan bebas daripada sebarang sebab lain menyebabkan ketidakupayaan atau memerlukan rawatan perubatan dan/atau pembedahan, atau dalam kes kematian, kepada penama anda atau wakil peribadi yang sah.

Tempoh perlindungan adalah satu (1) bulan. Anda perlu memastikan premium dibayar setiap bulan untuk menikmati perlindungan.

2. Apakah perlindungan yang diberi/manfaat yang disediakan?

Bahagian ini menyediakan perlindungan 24 jam di seluruh dunia termasuk kematian akibat kemalangan atau kecederaan badan yang disebabkan oleh:

- Semasa menyertai mana-mana sukan secara amatur yang tidak dikecualikan secara khusus oleh polisi
- Mogok, rusuhan dan pertempuran awam
- Bermotosikal sebagai penunggang atau pemborceng (tidak termasuk whist yang terlibat dalam perlumbaan, ujian kebolehpercayaan pertandingan membuat laju), dengan syarat ia merupakan syarat terdahulu kepada liabiliti bahawa anda memakai topi keledar kemalangan yang diluluskan dan memiliki lesen memandu yang sah)
- Lemas, Elektroksi, Terhadu Gas
- Keracunan makanan dan/atau minuman
- Gigitan serangga berbahaya, gigitan ular dan gigitan haiwan tetapi tidak termasuk penyakit penyakit yang disebarluaskan oleh serangga tersebut, rampasan sama ada dalam pesawat, vesel atau mana-mana kenderaan awam lain
- Kehilangan atau Pendedahan kepada Elemen
- Pembunuhan dan serangan tanpa provokasi
- Kebakaran, kejangan alam seperti gempa bumi, ribut angin, banjir, taufan, petir
- Perjalanan melalui udara sebagai penumpang yang membayar tambang dalam pesawat yang dilesenkan untuk perkhidmatan penumpang dalam penerbangan berjadual.

Nota: Ini bukan senarai lengkap. Sila baca polisi dokumen anda dengan teliti untuk mendapatkan butiran penuh tentang perkara yang dilindungi dan tidak dilindungi.

Manfaat-Manfaat	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)
Kematian Kemalangan / Ketidakupayaan Kekal (akibat kemalangan)	100,000	200,000	300,000
Perbelanjaan-perbelanjaan Perubatan (Kos Rawatan Sinseh sehingga RM 300, terhad kepada RM30 setiap lawatan setiap hari)	5,000	10,000	15,000
Pendapatan Tunai Hospital (sehingga 30 hari)	100 sehari	200 sehari	300 sehari
Elaun Pemulihan (selepas 1 minggu dimasukkan ke hospital akibat kemalangan)	500	1,000	1,500
Liability Peribadi	100,000	200,000	300,000
Elaun Kematian/Penghantaran Pulang	1,000	2,000	3,000
Yuran Ambulans	1,000	1,000	1,000
Perlindungan Pinjaman Sekiranya berlaku Kematian Akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Kekal Menyeluruh akibat Kemalangan, Syarikat akan membayar balik pinjaman perumahan tertunggak Pihak Diinsuranskan, dan pinjaman sewa beli kenderaan bermotor persendirian atau pinjaman peribadi dengan Bank Simpanan Nasional Berhad.	Sehingga 10,000	Sehingga 20,000	Sehingga 30,000
Perlindungan Bill Isi Rumah Sekiranya dimasukkan ke hospital akibat kemalangan (min 7 hari berturut-turut), Syarikat akan membayar balik Bil Isi Rumah Pihak Diinsuranskan (mengikut jadual acara) sehingga maksimum 3 bulan atau selepas keluar.	Sehingga 500 sebulan	Sehingga 500 sebulan	Sehingga 500 sebulan
25% Pemulangan Premium Tiada Tuntutan Pihak Diinsuranskan akan dilayakkan pemulangan premium sebanyak 25% daripada premium yang diterima oleh Syarikat dengan syarat polisi ini telah berkuatkuasa secara berterusan selama tiga (3) tahun dan tiada tuntutan telah dibuat dan dilakukan dalam tiga (3) tahun tersebut.			
*Orang Dewasa yang terlibat dalam Kelas Pekerjaan 3 dan 4 (Tidak Bertugas) hanya layak untuk Pelan 1 sahaja.			

3. Berapakah jumlah premium yang perlu dibayar?:?

Jadual Premium	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)
Premium Bulanan	28	48	68

Nota: Premium tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan 8% dan Duti Setem RM 10.

4. Apakah bentuk bayaran yang dikenakan dan yang perlu dibayar?

Cukai Perkhidmatan	: 8%
Duti Setem	: RM 10.00

5. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Walau bagaimanapun, tiada pembayaran balik premium dibenarkan.

6. Apakah terma-terma penting dan syarat-syarat yang Saya perlu tahu?

- **Had Umur :** 18 hingga 65 tahun, boleh diperbaharui sehingga 70 tahun.
- Hanya satu pelan dibenarkan bagi setiap Orang yang Diinsuranskan.

Kepentingan pendedahan maklumat

- Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini (atau sewaktu anda memohon untuk insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dengan lengkap dan tepat.
- Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganinan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatkan kontrak insurans anda.
- Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
- Sebagai tambahan kepada soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini (atau sewaktu anda memohon untuk insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

Tunai Sebelum Perlindungan (CBC)

- Adalah menjadi perkara asas dan memang menjadi syarat istimewa untuk kontrak insurans ini bahawa premium yang perlu bayar mesti dibayar dan diterima oleh pihak Syarikat sebelum perlindungan bermula.

Sempadan Geografi

- Semua manfaat polisi ini merangkumi seluruh dunia 24 jam sehari KECUALI Manfaat Liabiliti Peribadi, perlindungannya adalah seluruh dunia tetapi tidak termasuk USA dan Kanada.

Kelayakan Penduduk

- Polisi ini hanya berkuatkuasa jika Pihak Diinsuranskan tinggal di Malaysia. Jika Pihak Diinsuranskan keluar dari Malaysia untuk tempoh melebihi 6 bulan berturut-turut, polisinya akan dibatalkan.

7. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kematian atau hilang upaya atau sebarang kerugian lain secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh atau berkaitan dengan:

- Peperangan, pencerobohan, pemberontakan atau pengambilalihan tentera
- Rosak disebabkan oleh pengionan nuklear, radiasi atau pencemaran
- Bunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman), cubaan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri
- Prosedur perubatan tidak dilindungi melainkan diperlukan kerana kecederaan akibat kemalangan
- Jika anda adalah sebahagian daripada kru pesawat, kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang
- Aktiviti sukan profesional dalam apa jua bentuk
- Melakukan atau cuba melakukan sebarang perbuatan yang menyalahi undang-undang
- Sebarang penyakit termasuk HIV dan/atau AIDS dan/atau ARC
- Bersalin, kehamilan atau komplikasi yang berkaitan dengannya melainkan disebabkan secara langsung atau tidak langsung secara tidak sengaja
- Insiden yang melibatkan alkohol atau dadah, melainkan jika ditetapkan oleh doktor berdaftar/berlesen
- Aktiviti-aktiviti bawah air (Skuba), seni mempertahankan diri atau tinju, payung terjun, penerjunan dan peluncuran udara, hoki ais, bermain polo, lumba kuda, ski musim sejuk, pelayaran kapal layar, ski luncur air, menggunakan jentera kerja kayu yang dipandu oleh kuasa mekanikal, perlumbaan (selain berjalan kaki), memandu laju atau mengambil bahagian dalam sebarang ujian kelajuan, atau ujian kebolehpercayaan

Nota: Ini bukan senarai lengkap. Sila baca polisi dokument anda dengan teliti untuk mendapatkan butiran penuh tentang perkara yang dilindungi dan tidak dilindungi.

Pengecualian pekerjaan :

Tentera Udara, Polis, Pengawal Keselamatan, Tentera Laut, Tentera Darat/Tentera dan Pegawai Penguatkuasa Undang-undang, Penguji Pesawat, Juruterbang atau Anak Kapal, Penyelam, Pelumba Kereta, Joki, Seseorang yang terlibat dalam kegiatan sukan profesional, Seseorang yang terlibat dalam perlombongan bawah tanah dan pembinaan terowong, Bomba, Pelaut, Nelayan di laut, Wartawan perang, Pekerja pelantar minyak, Pekerja yang membaki atau mengecat bangunan tinggi, Pekerja pelabuhan, Seseorang yang terlibat dalam perrobohan bangunan, Seseorang yang terlibat dalam perkhidmatan ambulans, Penggergaji balak, Pekerja pembalakan, Pemandu/ataandan lori balak dan penarik balak, Jurumesin pertukangan kayu dan Pengendali bahan letupan, Pembinaan empangan, jambatan atau kerja di bawah tanah, pencuci tingkap atau pekerjaan binaan pada ketinggian melebihi tiga puluh (30) kaki dari tanah, Pekerja yang mengendalikan dandang atau kapal bertekanan, Ahli sarkas dan pelakon aksi lasak, Pengendali bahan letupan dan lain-lain bahan toksik, kerja yang melibatkan penggunaan kelengkapan, perkakas atau alat yang dikendalikan secara automatic, Sebarang perkhidmatan e-hailing/perkhidmatan penghantaran makanan sambilan.

Walaupun begitu, manfaat-manfaat di bawah insurans ini akan dibayar dalam hal berlakunya Kematian Akibat Kemalangan, hilang upaya kekal atau lain-lain kerugian seperti yang terkandung di dalam polisi ini, timbul akibat kecederaan badan semasa menghadiri aktiviti-aktiviti normal peribadi dan sosial di luar bidang kerja Pihak Diinsuranskan seperti yang dinyatakan di atas. Penginsurans berhak mengikut budi bicara mutlak untuk menolak perlindungan walaupun Pihak Diinsuranskan tidak terlibat di dalam mana-mana pekerjaan yang dinyatakan di atas.

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat perhubungan/ butir-butir peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kami tentang sebarang perubahan dalam butiran maklumat perhubungan/peribadi anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh memberikan butiran terkini anda melalui ejen sah kami, pejabat cawangan atau perkhidmatan pelanggan kami.

9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang Insurans Kemalangan Diri, sila rujuk Pusat Perhubungan Pelanggan kami atau layari laman web kami di insurance.rhbgroup.com.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

RHB INSURANCE CUSTOMER RELATIONSHIP CENTRE,

Tingkat 1, Tower Three, RHB Cente, Jalan Tun Razak,

50400 Kuala Lumpur

Tel: 1300 22 0007/ Fax: 603-21637277

E-mel: rhbi.general@rhbgroupp.com WhatsApp: 012-603 1978

IMPORTANT NOTE:

Anda dinasihatkan untuk merujuk skala manfaat untuk kematian dan hilang upaya dalam polisi insurans anda. Anda hendaklah meletakkan penama dan memastikan penama tersebut dimaklumkanui polisi kemalangan diri yang telah anda beli. Anda harus membaca dan memahami polisi insurans dan berbincang dengan ejen atau menghubungi terus syarikat insurans untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Ahli PIDM

Manfaat yang perlu dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak dilindungi oleh PIDM sehingga had. Sila rujuk Risalah TIPS PIDM atau hubungi RHB Insurance Berhad atau PIDM (lawati www.pidm.gov.my).